

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(II)16**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN JAWI  
YB. H'NG MOOI LYE**

16. Sejak kerja-kerja pembersihan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah diserahkan kepada kontraktor, mutu perkhidmatannya amat memuaskan, Pusat Khidmat sentiasa menerima pelbagai aduan tentang kebersihan.
- (a) Adakah MBSP akan lihat balik jadual kerja kerja sedia ada?
  - (b) Apakah Prosedur Operasi Standard (SOP) pemantauan oleh MBSP?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

16. (a) Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sentiasa memantau jadual kerja yang telah disediakan oleh pihak kontraktor pembersihan. Setakat ini, MBSP tidak bercadang untuk meminda jadual sedia ada. Sekiranya kontraktor pembersihan gagal menjalankan pembersihan mengikut jadual, MBSP akan mengarahkan supaya kontraktor yang dilantik meneliti dan membuat penambahbaikan jadual yang disediakan.
- (b) MBSP menjalankan pemantauan kerja-kerja pembersihan berdasarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) seperti berikut:
- (i) Penyelia pembersihan MBSP atau mandor menjalankan pemantauan mengikut jadual yang telah diberikan oleh kontraktor pembersihan MBSP;

- (ii) Penyelia pembersihan MBSP atau mandor akan membuat penilaian di lokasi melalui borang Laporan Pemantauan Kontraktor setiap hari;
- (iii) Jika kontraktor pembersihan MBSP gagal mematuhi jadual atau hasil kerja tidak selesai dan tidak mencapai kehendak spesifikasi MBSP, penyelia pembersihan MBSP atau mandor akan menandakan pada borang Laporan Pemantauan Kontraktor dan memaklumkan kepada pihak kontraktor bagi mengambil tindakan pembetulan; dan
- (iv) Jika kontraktor pembersihan MBSP gagal menjalankan pembersihan dalam tempoh tiga (3) hari, tindakan yang akan diambil oleh MBSP adalah seperti berikut:
  - (1) MBSP akan melakukan pemotongan bayaran bulanan yang akan diterima oleh kontraktor pembersihan MBSP; dan
  - (2) MBSP akan menjalankan pembersihan di lokasi tersebut dan akan mengenakan caj pembersihan kepada kontraktor pembersihan MBSP. Bagi kontraktor yang dikenakan pemotongan bayaran sebanyak 25% selama tiga (3) bulan maka MBSP berhak mengambil tindakan yang lebih keras termasuklah menamatkan kontrak yang diberikan kepada kontraktor tersebut.